

# Menanti Kedatangan Bulan Bahasa Kebangsaan

*Bahasa Jiwa Bangsa*

Bermula dengan nama Minggu Bahasa Kebangsaan dan Bulan Bahasa Kebangsaan sekitar dekad 60-an, gerakan memartabatkan bahasa Melayu terus dipertingkatkan dengan pelbagai kempen, antaranya termasuklah Gerakan Cintailah Bahasa Kita (GCBK) (1987-1996), Gerakan Bahasa Kebangsaan Sektor Swasta (GBKSS) (1996-2005) dan Minggu Sastera (1987-1998). Akhirnya gerakan ini diubah namanya kepada Bulan Bahasa dan Sastera Negara (BBSN) dan yang pertama telah dilancarkan pada tahun 1999 oleh YAB Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia ketika itu.

Sepuluh tahun kemudian, pada tahun 2009, bersesuaian dengan matlamat barunya, BBSN telah ditukar namanya menjadi Bulan Bahasa Kebangsaan (BBK). Tujuannya tidak lain hanya:

- untuk terus memantapkan, memperkukuh dan mempamerkan jati diri dan citra bangsa Malaysia;
- menguatkan rasa megah rakyat Malaysia terhadap bahasa kebangsaan;
- mengeratkan dan memperkukuh perpaduan bangsa melalui bahasa kebangsaan;
- menyemarakkan peranan bahasa kebangsaan sebagai tonggak pembinaan negara bangsa.

Apapun, dalam sepanjang tempoh usaha memartabat serta menjaga mutu bahasa kebangsaan ini telah dilakukan, keseluruhan rakyat Malaysia nampaknya hanya menyerahkan tugas dan tanggungjawab itu kepada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) semata-mata. Pada hal tugas

berkenaan merupakan tugas bersama, yang sepatutnya tanggungjawab itu dipikul bersama oleh setiap orang warga yang mengaku rakyat negara ini.

Sementelahan, pelbagai program bahasa dan sastera telah diatur dan dirancang di seluruh negara sepanjang tempoh program BBK itu berlangsung, dengan maklumat mengenainya disiarkan dalam majalah-majalah DBP dan diuar-uarakan juga melalui media kerajaan, tetapi penglibatan pihak swasta tetap tidak menggalakkan. Hanya beberapa kerat rakyat Malaysia yang menyedari akan kewujudan BBK itu. Malah lebih menghairankan, Bulan Bahasa Kebangsaan yang telah dilancarkan dengan rasminya oleh YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Haji Mohd. Yassin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia pada 14 Oktober 2014 di di Pusat Persidangan Antarabangsa Putrajaya (PICC) itu juga tidak mendapat liputan yang meluas daripada media-media tempatan. Tiada siaran langsung untuknya berbanding rancangan-rancangan realiti TV yang bersiaran langsung setiap minggu, padahal BBK merupakan agenda kebangsaan yang harus ditonton oleh semua rakyat Malaysia.

Susah untuk kita memahaminya, kerana sepatutnya selepas lebih 50 tahun agenda memartabatkan bahasa kebangsaan ini berlangsung, ia tidak perlu lagi terkial-kial mencari khalayaknya, kerana tradisi dan semangat memartabatkan bahasa kebangsaan

**Apa salahnya kalau publisiti dilakukan secara lebih meluas oleh pihak media, khasnya TV dan radio, yang bukan sahaja boleh melaksanakan perannya melalui pendekatan meuar-uarakan maklumat BBK kepada orang ramai.**

sebagai bahasa milik seluruh rakyat ini, seharusnya sudah sedia dihayati oleh semua warga negara ini. Soal kurangnya penglibatan masyarakat bukan Melayu dalam setiap aktiviti yang diadakan sempena BBK ini sewajarnya tidak akan berlaku kalau semua penggiat media menyokong usaha murni kerajaan mahu memartabatkan bahasa kebangsaan ini.

Apa salahnya kalau publisiti dilakukan secara lebih meluas oleh pihak media, khasnya TV dan radio, yang bukan sahaja boleh melaksanakan perannya melalui pendekatan menguar-uarakan maklumat BBK kepada orang ramai, termasuk mengenai program-program yang diatur, tetapi juga dengan memperbanyak rancangan dalam bahasa Melayu bagi dinikmati oleh penonton yang mungkin selama ini tidak pernah pun menyedari akan kewujudan rancangan-rancangan tv dan radio berbahasa Melayu, kerana sudah terlalu banyak disumbat dengan rancangan-rancangan luar atau yang bersifat vernakular.

Bukan sekadar itu sahaja, persatuan dan badan bukan kerajaan pelbagai kaum yang peranannya harus sama besar dengan peranan media terutama dalam menyebarkan maklumat berkaitan BBK kepada kelompok masyarakat masing-masing juga turut tidak menunjukkan komitmen dan minat yang mendalam untuk membantu melaksanakan aktiviti sempena BBK ini. Kita tidak mahu gerakan bahasa dan sastera kebangsaan hanya menjadi pentas fatamorgana yang cuma dimonopoli oleh sekelompok kecil pencinta bahasa sahaja, sedangkan sekelompok besar lainnya, termasuk golongan ahli politik dan mereka yang berjawatan, cuba menjadi antagonis, yang bukan sahaja tidak berusaha membantu menyemarakkan BBK ini, tetapi kelompok yang turut sama menjadi pembantut dan penghancur bahasa kebangsaan itu sendiri.

Sepatutnya sepanjang BBK berlangsung, para wakil rakyat dan kelompok yang diamanahkan jawatan oleh kerajaan ini harus berada di hadapan dalam memperagakan bahasa kebangsaan

dengan sebaik mungkin melalui penggunaan bahasa Melayu yang pengucapan baik, apabila membuat sebarang ucapan atau ketika menayakan sidang media, kerana mereka ini seharusnya menjadi suri teladan kepada seluruh rakyat Malaysia, walau di mana pun mereka berada. Namun, amat menyedihkan, hal ini tidak banyak berlaku sepanjang program BBK ini berlangsung, kerana ketika rakyat mendengar ucapan mereka, kebanyakan mereka bukan sahaja kadang-kadang kalanya menggunakan bahasa Inggeris sebagai medium pengucapan mereka itu, tetapi lebih menyedihkan, ketika berbahasa Melayu, bahasa yang mereka gunakan ialah bahasa Melayu yang sudah dirojakkan, yang bercampur-baur dan tidak tentu kelulu tatabahasanya.


Kita bimbang, tanggapan serong terhadap bahasa Melayu ini lama-kelamaan akan menjadi sukar untuk diubah. Malah, semakin hari, bilangan individu yang bertanggapan sedemikian terus meningkat sehingga memudaratkan tanggapan masyarakat. Semua ini ekoran

kedudukannya dalam zon selesa sehingga sampai bila-bila pun rakyat akan terus bertanggapan bahawa bahasa Melayu tetap selamat dan tidak akan diganggu gugat kerana sudah dijamin dalam Perlembagaan negara. Justeru, tidak perlu lagi difikirkan keadaannya kerana kedudukannya yang sudah sedia dimartabatkan, biarlah sahaja bahasa kebangsaan itu sebegitu tanpa perlu sebarang usaha memartabatkannya kembali.

Situasi inilah yang menjadikan kita tidak pasti sama ada dalam keghairahan BBK itu dilaksanakan secara menyeluruh, telah ada satu lagi gerakan yang bersifat antibahasa Melayu yang berlaku pada masa sama yang bertujuan untuk mengikis kekuatan ikatan dalam kalangan rakyat Malaysia yang memang diharapkan selama ini supaya menjadi teras perpaduan dan semangat setia kawan masyarakat pelbagai bangsa di negara ini.

Kalaulah sebenarnya gerakan ini memang tidak pernah wujud, seharusnya semua rakyat Malaysia mesti menyokong dan membantu menayakan BBK ini sama seperti kita menyokong untuk menayakan

**Situasi inilah yang menjadikan kita tidak pasti apakah dalam keghairahan BBK itu dilaksanakan secara menyeluruh, telah ada satu lagi gerakan yang bersifat antibahasa Melayu, yang berlaku pada masa sama yang bertujuan untuk mengikis kekuatan ikatan dalam kalangan rakyat Malaysia yang selama ini memang diharapkan supaya menjadi teras perpaduan dan semangat setia kawan masyarakat pelbagai bangsa di negara ini.**



**Sepatutnya sepanjang tiga bulan BBK berlangsung, kedudukan bahasa kebangsaan itu dalam semua rancangan TV dan radio swasta khususnya, serta akhbar tempatan, harus diangkat martabatnya menjadi agenda utama dalam setiap slot penyiaran mereka.**

sambutan bulan kemerdekaan. Sepatutnya sepanjang tiga bulan BBK berlangsung, kedudukan bahasa kebangsaan dalam semua rancangan TV dan radio swasta khususnya, serta akhbar tempatan, harus diangkat martabatnya dan menjadi agenda utama dalam setiap slot penyiaran mereka. Sayangnya, hal ini tidak pula berlaku sepanjang BBK ini berlangsung, biarpun mereka ini tidak menolak secara jelas terhadap kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, tetapi faktor kurangnya memberi tempat terhadap program-program yang ada kaitannya dengan BBK ini, sedikit sebanyak tetap menunjukkan bahawa ia

berpunca daripada kegagalan mereka untuk menerima dasar kerajaan yang cuba memartabatkan bahasa Melayu itu sebagai bahasa kebangsaan.

Tidak pula dapat dipastikan sama ada masih ada persepsi masyarakat yang melihat bahasa Melayu sebagai bahasa yang tidak maju dan tidak berdaya saing sehingga menyebabkan mereka menganggap BBK sebagai suatu agenda yang tidak penting. Inilah kegagalan besar yang berlaku dalam negara kita apabila masih ramai rakyat yang memandangkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan tetapi masih memandang enteng kepentingan bahasa kebangsaan sendiri dan lebih cenderung untuk

menghormati penggunaan bahasa asing yang mereka anggap sebagai penanda aras kehebatan sesebuah negara.

Kalaulah hal-hal sebegini masih berlaku dalam kalangan masyarakat Malaysia, nampaknya sia-sia sahajalah kerajaan membazirkan wang ringgit dan masa para pencinta bahasa untuk melaksanakan program BBK, sedangkan rakyatnya masih buta untuk melihat bahawa bahasa kebangsaan mempunyai kepentingan yang lebih tinggi memandangkan bahasa Melayu ialah bahasa rasmi negara dan penggunaannya harus sentiasa diutamakan. DB